

27 JAN 2003

GERAKAN SEDIA MUKA BARU UNTUK PILIHAN RAYA UMUM

PANTAI REMIS, 27 Jan (Bernama) -- Gerakan bersedia untuk menurunkan muka baru pada pilihan raya umum nanti tetapi tidak akan mengumumkannya sekarang, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Lim berkata sudah menjadi kebiasaan parti itu memilih muka baru, dan semasa pilihan raya umum 1999, kira-kira 40 peratus adalah calon baru, termasuk tiga anggota penyokong kerajaan di Parlimen.

Apabila ditanya sekiranya jumlah yang sama dari kalangan calon baru akan dipilih, Lim enggan memberitahunya.

"Saya belum dapat ilham. Tunggulah saya dapat ilham dulu," katanya selepas menghadiri satu acara kuil di Ladang UIE dekat sini hari ini.

Lim diminta mengulas mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam agar pemimpin Umno mengundur diri bagi membolehkan bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membuat pilihan baru.

Mengenai kedudukannya, Lim berkata lebih baik beliau berdiam diri dan menyerahkan perkara itu kepada jawatankuasa pusat parti untuk menentukan nasibnya.

"Saya telah menyuarakan hasrat untuk bersara pada tahun 2000 tetapi telah ditolak oleh jawatankuasa pusat. Mereka yang akan menentukan bila saya perlu berundur," katanya.

-- BERNAMA

AR HM